

CNS3979

U GB 30-08 001.66 BA376

bah

WAWASAN 2020 SAMA SEPERTI PERJUANGAN KEMERDEKAAN, KATA PM

Mahathir - Wawasan

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, usaha mencapai matlamat Wawasan 2020 memerlukan pembabitian semua rakyat kerana ianya sama penting dengan perjuangan menuntut kemerdekaan 35 tahun yang lepas.

Menurut Perdana Menteri, Wawasan 2020 adalah satu perjuangan demi membebaskan bangsa dan negara daripada penjajahan ekonomi oleh negara-negara maju.

+Ia perludihayati sebagai satu aspirasi dan matlamat negara bagi melahirkan bangsa Malaysia yang maju, harmonis serta kuat pegangan kepada agama dan moral yang tinggi,+ kata beliau dalam perutusan buku cenderamata Hari Kebangsaan ke-35 yang disambut esok.

Dr Mahathir berkata, seluruh rakyat perlu berganding bahu mengembleng tenaga dan melipatgandakan usaha menjayakan matlamat wawasan itu agar Malaysia dapat dibangunkan sebagai sebuah negara maju yang dihormati dan disegani.

Beliauyakin matlamat itu dapat dicayai lebih cepat daripada yang dijangkakan dengan adanya kecekalan, paduan semangat dan usaha gigih semua lapisan rakyat. -- Lagi

▼30/08/1 1-03MST

CNS3980

U GB 30-08 00152 BA377

bah

Mahathir - Wawasan 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Dalam perutusan serupa, Pengerusi Jawatankuasa Pusat Perayaan Hari Kebangsaan, Datuk Seri Sanusi Junid berkata, pengilhaman Wawasan 2020 oleh kerajaan berkonsepkan kepada keupayaan dan kesanggupan rakyat sebagai agen pelaksanaannya.

Bagaimanapun, katanya, wawasan akan hanya menjadi katabicarakosong sekiranya rakyat tidak dapat memahami dan seterusnya menghayati isi wadahnya seperti yang dihasratkan oleh kerajaan.

Sanusi, yang juga Menteri Pertanian berkata, atas hakikat itulah maka perayaan Hari Xebangsaan pada kali ini bertemakan +Wawasan Asas Kemajuan+ kerana ia memberi pengertian bahawa wawasan yang dihasratkan oleh kerajaan itu dijadikan asas membimbing rakyat supaya mereka mempunyai kesedaran, keazaman dan semangat kental dalam memajukan negara.

Pencapaian +Wawasan sebagai Asas Kemajuan+ ini akhirnya, bukan sahaja akan berjaya melepaskan Malaysia daripada bergantung kepada negara-negara maju dalam pelbagai bidang, sebaliknya ia akan menjadikan Malaysia sebagai tempat bergantung negara-negara lain pula, kata beliau. -- Bernama